

BULETIN

INPENS INTERNATIONAL COLLEGE

Edisi 4 / 2015



Menarik Di Dalam!

4 & 5 Pengurusan INPENS

Sila semak halaman 4 & 5 untuk mengenali barisan pengurusan INPENS 2015.

6 & 7 Majlis Konvokesyen INPENS ke-18

MAJLIS Konvokesyen INPENS International College kali ke-18 menyaksikan seramai 477 orang graduan pelbagai jurusan menerima diploma dan sijil kemahiran masing-masing. Majlis tersebut telah berlangsung dengan jayanya di Auditorium INPENS International College pada 17 Mei 2014 yang lalu.

8 Kawad Kaki Merdeka

Bagi menyemarakkan ulang tahun Hari Kemerdekaan Ke-57 satu program Pertandingan Pembarisan & Kawad Kaki sempena Sambutan Kemerdekaan telah diadakan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

9 Majlis Makan Malam Kakitangan

Menutup tirai tahun 2013, pihak Kelab Sosial & Kebajikan Kakitangan INPENS International College telah mengadakan majlis makan malam bertempat di Kelab Golf Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam

“Seramai 513 orang pelajar baru telah mendaftar di INPENS International College pada sesi kemasukan Januari dan Februari 2015. INPENS mengucapkan selamat datang kepada semua pelajar yang mendaftar dan semoga berjaya menamatkan pengajian masing-masing dengan sukses.”



sidang redaksi

Penaung

Tuan Rosli bin Haji Ibrahim

Penasihat

En. Jefri bin Mejan

Ketua Pengarang

Nur 'Adnin Syamil binti Halik Bassah

Pengarang

Siti Noor Hani binti Mohd Fatoni

Zawiah binti Abdullah

Rusman bin Hussin

Solihah binti Yaakob

Pereka Grafik

Ahmad Zulkhidzrie bin Mohamad Zuki

Jurugambar

Tajul Ariffin bin Anuar

Bahagian Komunikasi & Korporat INPENS

Bahagian Aset & Fasiliti INPENS

Pembantu Redaksi

Zakaria bin Abdullah

Mohd Fauzi bin Ismail

Suresh A/L Manickam

Noorul Bariyah binti Miswon

Danial Hasif bin Rosli

Sidang redaksi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan Buletin INPENS Edisi Ke-4 ini. Kami mengalu-alukan sumbangan artikel / rencana / berita semasa yang berkaitan dengan pendidikan, penyelidikan, aktiviti kemasyarakatan daripada warga INPENS. Kirimkan tulisan anda kepada:

KETUA PENGARANG

INPENS International College, Jalan Semarak,
45000 Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-3281 2619

Faks : 03-3281 2627

Email : inpens@inpens.edu.my

© Hak Cipta terpelihara INPENS International College. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian dari mana-mana bahagian dari majalah ini tanpa kebenaran bertulis dari pihak INPENS.

"...Kita sebenarnya mampu untuk berlari se pantas mereka, boleh terbang setinggi mereka jika kita punya kemahuan yang tinggi dan sanggup pula mengubah diri kita...."

Dari Kamar **Ketua Eksekutif**

Tuan Rosli bin Haji Ibrahim



Selaga puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W, keluarga serta sahabat baginda.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH S.W.T dengan inayah-Nya kita diberikan nikmat kesihatan dan kesejahteraan untuk meneruskan kehidupan ini, sekaligus menggalas amanah sebagai warga INPENS yang terus komited menyempurnakan misi dan visi kolej ini.

Beberapa bulan yang telah lalu ini, saya juga telah menerima tanggungjawab dan amanah yang sebenarnya amat besar sekali iaitu terus memimpin INPENS untuk meneruskan misi menjadi sebuah institusi kemahiran unggul negara. Amanah yang saya sedang pikul ini juga memerlukan sokongan padu dan kerjasama yang erat daripada semua warga INPENS khususnya. Menjadikan bidang pendidikan kemahiran sebagai pilihan utama para pelajar bukanlah satu tugas yang mudah. Tetapi, ia juga bukanlah sesuatu yang mustahil untuk direalisasikan. Ini kerana, bidang kemahiran semakin menjadi keperluan dalam pelbagai industri di dalam dan luar negara. Oleh itu, masyarakat Malaysia seharusnya membuang persepsi yang menganggap bidang kemahiran adalah bidang alternatif atau sampingan semata-mata.

Jika dilihat di negara-negara Asia yang maju seperti Jepun dan Korea, mereka menumpukan sepenuhnya keperluan pendidikan mereka dalam bidang-bidang kemahiran seperti automotif, elektrik, elektronik dan farmaseutikal. Tidak hairanlah, banyak kenderaan dari negara-negara Asia ini meluncur laju di jalan-jalan raya negara ini. Kita juga terus-terusan menumpang kemajuan mereka dalam menghasilkan peranti dan gajet telekomunikasi yang semakin hari semakin canggih. Kita sebenarnya mampu untuk berlari se pantas mereka, boleh terbang setinggi mereka jika kita punya kemahuan yang tinggi dan sanggup pula mengubah diri kita. Adalah menjadi pembaziran, jika kita terus menggunakan kemajuan mereka sedangkan kita juga mampu menghasilkan perkara yang sama. Oleh yang demikian, saya menyeru semua pembaca khususnya warga INPENS untuk berganding bahu bersama-sama saya untuk merealisasikan impian ini.

Dikesempatan ini, saya mengucapkan tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin INPENS kerana berjaya menerbitkan buletin ini dan berusaha memastikan kita dapat membaca informasi yang dicoretkan. Akhir kata saya mendoakan kesejahteraan kepada semua warga INPENS International College dan merakamkan ucapan terima kasih kerana terus bersama-sama pihak pengurusan memikul amanah dan tanggungjawab dalam melahirkan masyarakat Malaysia yang berkemahiran dan berwawasan.

"Cemerlang Bersama INPENS"

ROSLI BIN HAJI IBRAHIM

tinta ketua pengarang

Assalamu'alaikum Wbkt. Salam Kebahagiaan...

Kebahagiaan seseorang individu itu bukanlah semata-mata terletak kepada harta benda dan paras rupa. Kebahagiaan sebenar ialah menikmati kehidupan ini dan berusaha menjadikan kehidupan yang cuma sekali ini sebagai sebuah pengalaman yang sangat berharga dan tidak sia-sia. Oleh itu, janganlah kita leka dengan usia yang masih muda dan bersegeralah melakukan kebaikan dan memanfaatkan waktu dengan perkara yang berfaedah.

Kehidupan ini haruslah dilalui dengan fikiran yang positif. Sebagai insan biasa, kita sememangnya tidak sempurna dan sering pula membuat khilaf. Tetapi Tuhan itu sangat adil kerana sentiasa memberikan kita ruang dan peluang untuk mengubah kehidupan kita. Maka, wajarlah kita mengambil kesempatan yang ada ini untuk menjadi seorang insan yang bahagia di dunia dan akhirat.

Buletin INPENS bagi edisi ke-4 ini akan memaparkan coretan memori bagi program-program dan aktiviti-aktiviti yang berlaku dari Mei 2014 hingga kini. Dapat disaksikan, berbagai episod suka dan duka telah kita redahi bagi beberapa bulan yang telah lalu ini. Namun begitu, yakinlah bahawa setiap setiap ujian dan kejadian itu membawa 1001 hikmah yang sebenarnya membawa kebaikan kepada kita.

Bagi edisi kali ini juga, cebisan berita aktiviti-aktiviti kendalian HEP akan dikongsi bersama, tidak ketinggalan juga coretan kenangan majlis bersejarah kolej ini iaitu Majlis Konvokesyen INPENS ke-18 yang berlangsung pada Mei lalu. Akhir kalam, saya mendoakan agar kita semua akan memperoleh kebahagiaan yang dinanti-nanti selama ini.



NURSYAZWANI AMIRAH:

Ikou Kebanggaan INPENS



Nursyazwani bersama-sama dengan hadiah kemenangan beliau di Pertandingan Kemahiran Malaysia ke-22.

NURSYAZWANI AMIRAH SUMALI sekali lagi membanggakan INPENS International College apabila beliau terpilih mewakili Malaysia ke ASEAN Skills Competition (ASC) 2014. Terdahulu, beliau telah berjaya memenangi pingat perak di Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) ke-22 dalam Kategori Fesyen dan Rekaan Rambut. Beliau kemudiannya telah melalui beberapa episod saringan sebelum terpilih membawa nama negara ke persada antarabangsa.



Majlis sidang media yang diadakan bersama-sama dengan Y.B. Dr. Hajjah Halimah Ali dan Ketua Eksekutif INPENS, Tuan Rosli bin Haji Ibrahim.

Beliau telah berangkat ke Hanoi, Vietnam pada 19 sehingga 29 Oktober yang lalu. Pada pertandingan tersebut, Nursyazwani telah berjaya mendapat tempat ke-4 di kalangan peserta ASEAN yang bertanding. Nursyazwani turut menjadi peserta simpanan negara dan berpeluang untuk melangkah ke peringkat seterusnya iaitu di World Skills Competition yang bakal diadakan di Brazil pada Oktober ini. Beliau kini sedang giat berlatih bersama-sama dengan jurulatih negara bagi memastikan beliau bersedia menghadapi dan menyelesaikan semua modul yang bakal dipertandingkan. INPENS sesungguhnya amat berbangga dengan kejayaan beliau dan mengharapkan butir permata ini akan terus menyinar dan bergemerlapan.



KETUA EKSEKUTIF



KETUA EKSEKUTIF
Tuan Rosli bin Haji Ibrahim
rosli@inpens.edu.my

PENGURUS



**PENGURUS SUMBER MANUSIA
& PENTADBIRAN**
En. Nahar bin Sharif
nahar@inpens.edu.my

EKSEKUTIF



**EKSEKUTIF HAL EHWAL
PELAJAR**
En. Rusman bin Husin
rusman@inpens.edu.my



EKSEKUTIF ICT
En. Ahmad Zulkhidzrie bin
Mohamad Zuki
ahmad.zulkhidzrie@inpens.edu.my



EKSEKUTIF AKAUN
En. Roniftra bin Basiron
roniftra@inpens.edu.my

KETUA SEKTOR



**KETUA SEKTOR
KEJURUTERAAN MOTOSIKAL**
En. Anuar bin Mujir
anuar@inpens.edu.my



**KETUA SEKTOR KEJURUTERAAN
PENYAMANAN UDARA**
En. Mohd Harizal bin Ab. Ghani
harizal@inpens.edu.my



**KETUA SEKTOR
KEJURUTERAAN AUTOMOTIF**
En. Mohd Faizal bin Azmi
faizalazmi@inpens.edu.my



**KETUA SEKTOR
KEJURUTERAAN ELEKTRIK**
En. Mohd Faizal bin Zainal
mfaizalzainal@inpens.edu.my



**PENGURUS KOMUNIKASI KORPORAT
& HAL EHWAL PELAJAR**
En. Jefri bin Mejan
jefri@inpens.edu.my



**PENGURUS LATIHAN KEMAHIRAN
& HAL EHWAL AKADEMIK**
Pn. Norzilawati binti Md Said
norzilawati@inpens.edu.my



**PEMANGKU PENGURUS
KEWANGAN & AKAUN**
En. Norfaizal bin Mohamad Samhudi
norfaizal@inpens.edu.my



EKSEKUTIF PEMASARAN
Pn. Solihah binti Yaakob
solihah@inpens.edu.my



**EKSEKUTIF KOMUNIKASI
KORPORAT**
Pn. Nur 'Adnin Syamil binti
Halik Bassah
nuradnin@inpens.edu.my



EKSEKUTIF SUMBER MANUSIA
Pn. Noridah binti Ismail
noridah@inpens.edu.my



**EKSEKUTIF
PEJABAT KETUA EKSEKUTIF**
Pn. Zarihan binti Yaakob
zarihan@inpens.edu.my



**KETUA SEKTOR FESYEN &
PEMBUATAN PAKAIAN**
Pn. Zalina binti Rahmat
zalina@inpens.edu.my



**KETUA SEKTOR SISTEM
KOMPUTER**
Pn. Siti Sobrina binti Abdul Rahim
sitisobrina@inpens.edu.my



**KETUA SEKTOR KOSMETOLOGI
& REKAAN FESYEN RAMBUT**
Pn. Zaiton binti Hamsi
zaiton@inpens.edu.my



**KETUA SEKTOR TEKNOLOGI
ELEKTRONIK**
Pn. Jahirah binti Mohd Noor
jahirah@inpens.edu.my

MERAIKAN KECEMERLANGAN DI MAJLIS KONVOKESYEN INPENS KE-

18



MAJLIS Konvokesyen INPENS International College kali ke-18 menyaksikan seramai 477 orang graduan pelbagai jurusan menerima diploma dan sijil kemahiran masing-masing. Majlis tersebut telah berlangsung dengan jayanya di Auditorium INPENS International College pada 17 Mei 2014 yang lalu.

Beberapa anugerah khas turut diberikan kepada pelajar-pelajar yang menunjukkan prestasi yang cemerlang di sepanjang pengajian mereka. Tahun ini, Anugerah Khas Menteri Besar Selangor dianugerahkan kepada Hamdani bin Paiman yang telah mempamerkan kesungguhan luar biasa apabila terus menyambung pengajian dalam bidang kejuruteraan motosikal walaupun sudah memasuki usia emas dan bergelar seorang pesara. Sebagai ganjaran, beliau telah menerima sebuah piala iringan, trofi, wang tunai, hadiah sampingan dan jambangan bunga.

Sementara itu, Nursyazwani Amirah Sumali yang berjaya merangkul Pingat Perak ketika Pertandingan Kemahiran Malaysia ke-22 yang lalu telah dipilih menerima Anugerah Khas Exco Pendidikan Negeri Selangor. Pelajar dandanan rambut ini juga akan membawa nama INPENS dan terpilih mewakili Malaysia di Pertandingan Kemahiran ASEAN yang berlangsung di Hanoi, Vietnam. Ini sekaligus membuktikan, graduan INPENS mampu bersaing dan mempunyai kebolehan pasaran sama ada di peringkat nasional atau global.

Selain itu, beberapa anugerah lain turut disampaikan bagi menghargai para graduan yang memperoleh keputusan yang cemerlang di dalam bidang masing-masing. Anugerah-anugerah tersebut ialah Anugerah Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Anugerah Menteri Besar Incorporated (MBI), Anugerah Integriti, Anugerah Industri Automotif, Anugerah Industri Elektrikal, Anugerah Industri Teknologi Maklumat dan Anugerah Presiden.

Anugerah-anugerah yang disediakan mendapat tajaan dari beberapa organisasi dan beberapa syarikat korporat seperti Unit Perancang Negeri Selangor (UPEN), Menteri Besar Incorporated (MBI), Lembaga Zakat Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB). Turut menyumbang bagi beberapa anugerah utama ialah UMW Toyota Motors Sdn. Bhd., Proton Holdings Berhad, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA) dan ZARAZ Engineering Sdn. Bhd.

Majlis konvokesyen tersebut telah dirasmikan dan disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi & Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor, Y.B. Dr. Hajjah Halimah binti Ali. Majlis Konvokesyen tersebut turut dihadiri barisan pengurusan INPENS iaitu Encik Nahar Shariff dan Encik Jefri Mejan. Timbalan Naib Canselor Unisel, Prof. Dr. Haji Anuar Ahmad dan beberapa exco Kerajaan Negeri Selangor yang lain turut hadir bagi menjayakan dan menyerikan majlis graduasi kali ini.




Hamdani bin Paiman menerima Anugerah Menteri Besar yang disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi & Modal Insan Negeri Selangor Y.B. Dr Hajjah Halimah Ali



Norsyazwani Amirah yang juga pelajar dari bidang dandanan rambut menerima Anugerah Khas Exco Pendidikan Negeri Selangor.



 **LENSA GRADUAN INPENS**



TAHNIAH KEPADA GRADUAN



PERLAWANAN BOLA SEPAK DI SABAK BERNAM & KARNIVAL BOLA JARING IPT 2014, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Kolej INPENS telah menghantar pemain-pemain bola sepak bagi Kejohanan Bola Sepak Liga Terbuka Daerah Sabak Bernam Piala Yang DiPertua majlis Daerah Sabak Bernam . Manakala Karnival Bola Jaring IPT 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia telah diadakan di Universiti Malaya. Walaupun tidak mendapat tempat tapi pemain kita telah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi dan jitu.




KAWAD KAKI MALAM KEMERDEKAAN 2014

Bagi menyemarakkan ulang tahun Hari Kemerdekaan Ke-57 satu program Pertandingan Pembarisan & Kawad Kaki sempena Sambutan Kemerdekaan telah diadakan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, seramai 41 orang wakil kontinjen dari INPENS International College yang diketuai oleh Encik Rusman Husin telah menyertai pembarisan tersebut dengan motto 'Kemahiran Teras Kecemerlangan' INPENS telah Berjaya memenangi tempat ke-6 (saguhati) dan membawa pulang RM500 sebagai ganjaran.

Program seperti ini juga dapat meningkatkan semangat perpaduan di kalangan pelajar yang berbilang bangsa dan agama untuk memupuk dan menyemai semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan warga kolej.



KEMPEN DERMA DARAH



SANA SINI INPENS

Kempen Derma Darah tahunan ini merupakan kali kedua diadakan bagi tahun 2014. Tujuan utama kempen ini diadakan adalah untuk membantu Pusat Darah Negara mengisi tabung darah negara. Selain itu ianya sebagai salah satu alternatif ke arah kebajikan yang dapat dilakukan oleh pihak INPENS International College kepada masyarakat umum di samping memberi informasi dan pendidikan yang berguna serta bermaklumat tentang kesihatan.. Ini juga dapat menggalakkan pelajar menderma darah sambil beramal.

Seramai 80 orang telah berjaya menderma darah. Walaupun jumlah itu dilihat sedikit tetapi sumbangan yang diberikan daripada pelajar sememangnya amat dihargai. Pihak Hal Ehwal Pelajar mengharapkan agar kempen ini akan mendapat sambutan dan perhatian daripada pelajar pada masa akan datang dengan memberikan lebih banyak publisiti serta promosi yang lebih meluas dan informasi awal kepada pelajar berkenaan kempen ini.



KELAB KAKITANGAN INPENS MAJLIS MAKAN MALAM



Menutup tirai tahun 2013, pihak Kelab Sosial & Kebajikan Kakitangan INPENS International College telah mengadakan majlis makan malam bertempat di Kelab Golf Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam bagi meraikan kakitangan.

Selain itu, majlis ini juga turut diserikan dengan pertandingan karaoke oleh kakitangan yang berbakat untuk menceriakan lagi suasana makan malam tersebut. Kemuncak acara adalah pengumuman bagi menabalkan King & Queen of the Night yang dimenangi oleh Encik Suresh a/I Macikam dan Puan Rahila binti Abd kadir. Turut diumumkan juara nyanyian karaoke 'Bintang Kilauan Emas' serta pemenang bagi acara cabutan bertuah.

Pihak Kelab Sosial & Kebajikan Kakitangan INPENS International College mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan dan penaja yang menjayakan majlis makan malam tersebut dan diharap majlis seperti ini dapat diadakan setiap tahun bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan kakitangan INPENS.





1 Kursus Perancangan Pelan Strategik di De Palma Hotel Shah Alam yang dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah INPENS, Puan Hajjah Noraini Roslan.

Tarikh: 7-9 November 2014



2 Lawatan ke Kampus INPENS oleh Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor).


Tarikh: 21 November 2014



3 Perarakan Bersempena Sambutan Maal Hijrah 1436h/2014 peringkat INPENS International College.
Tarikh: 7 November 2014



Sambutan Pesta Ponggal INPENS 2015. Majlis dirasmikan oleh Y.B. Ganabatirau A/L Veraman, Exco Kerajaan Negeri Selangor.
Tarikh: 30 Januari 2015



TESTIMONI PELAJAR



Puteri Nor Binti Azman
Kursus Rekaan Rambut

"Setelah belajar di INPENS International College selama 6 bulan untuk tahap 2, banyak ilmu yang saya perolehi hingga berjaya menjadi seorang tenaga pengajar di kolej swasta. Ramai juga rakan-rakan saya yang sudah bergelar usahawan. Terima kasih kepada tenaga pengajar yang telah memberi tunjuk ajar dan memberi pendidikan kepada saya sehingga boleh mencapai ke tahap ini. Pendidikan kemahiran sememangnya pilihan terbaik kerana permintaan yang tinggi di pasaran kerja."



KELAYAKAN PEMOHON

1. Pernah menduduki PMR / SPM
2. Warganegara Malaysia
3. Berumur 16 tahun dan ke atas

INPENS INTERNATIONAL COLLEGE

BIASISWA PENGAJIAN KEPADA YANG LAYAK

* Tertakluk kepada Terma dan Syarat.



INPENS INTERNATIONAL COLLEGE (L00571)

Jalan Semarak, 45000 Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-3281 2617/19/21 Hp : 019-3424 111
Email : inpens@inpens.edu.my



www.inpens.edu.my



019-3424 111



INPENS INTERNATIONAL COLLEGE



03-3281 2627

SENARAI KURSUS YANG DITAWARKAN

DAFTAR SEKARANG!

► PENYELENGGARAAN KENDERAAN MOTOR (AUTOMOTIF)

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	TEMPOH
TP-300-2 : 2013	Automotif -Servis Selepas Jualan	12 Bulan
TP-300-3 : 2013	Automotif -Servis Selepas Jualan	12 Bulan
TP-300-4	Eksekutif Automotif -Servis Selepas Jualan	12 + 3 Bulan

► ELEKTRIK

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	TEMPOH
EE-320-2 : 2012	Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik - Satu Fasa	12 Bulan
PW 2	Pendawai Fasa Tunggal Dengan Endorsan Pengujian	24 Bulan
PW 4	Pendawai Tiga Fasa Dengan Endorsan Pengujian	12 Bulan

► ELEKTRONIK - PERALATAN

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	TEMPOH
EE-021-2 : 2012	Pemasangan & Troubleshooting Peralatan Elektronik	12 Bulan

► PENYEJUKBEKUAN & NYAMAN UDARA

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	TEMPOH
ME-020-2 : 2012	Peralatan Penyejukan Udara HVAC - Satu Fasa (Pemasangan, Servis, Troubleshooting & Pembaikpulihan)	8 Bulan

► TEKSTIL & PAKAIAN - WANITA

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	TEMPOH
TA-011-1 : 2013	Pembuatan Pakaian Wanita	6 Bulan
TA-011-2 : 2013	Pembuatan Pakaian Wanita	6 Bulan
TA-011-3 : 2013	Pembuatan Pakaian Wanita	12 Bulan

► TEKNOLOGI MAKLUMAT

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	TEMPOH
IT-020-3 : 2013	Operasi Sistem Komputer	12 Bulan

► REKAAN RAMBUT

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	TEMPOH
HT-090-2 : 2012	Dandanan Rambut	8 Bulan

► TERAPI KECANTIKAN

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	TEMPOH
MP-060-2 : 2012	Perkhidmatan Estetik	12 Bulan
MP-060-3 : 2012	Perkhidmatan Terapi Estetik	12 Bulan

► PENYELENGGARAAN MOTOSIKAL

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	TEMPOH
TP-118-1 : 2012	Servis & Penyelenggaraan Motosikal	6 Bulan
TP-118-2 : 2012	Servis & Penyelenggaraan Motosikal	6 Bulan

12

BULETIN
INPENS
4 / 2014